

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 14**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Najib kekal terima rawatan di HKL

**Proses perubatan termaktub dalam prosedur banduan ditetapkan**

Oleh Ahmad Johari Ali  
 dan Noor Atiqah Sulaiman  
 bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Najib akan kekal menerima rawatan di hospital kerajaan iaitu Hospital Kuala Lumpur (HKL) seperti yang sudah termaktub dalam prosedur banduan.

Berikut itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata beliau menafikan Najib akan dibawa untuk rawatan ke Institusi Jantung Negara (IJN) seperti yang dilaporkan sebelum ini.

"Saya sudah menghubungi Pengarah HKL, Datin Paduka Dr Rohana Johan dan beliau memaklumkan Najib kini dalam keadaan stabil. Najib tidak akan dihantar ke IJN kerana prosedur banduan adalah mereka perlu dirujuk ke hospital kerajaan.

"Disebabkan tidak mahu ada pertikaian selepas ini, jadi saya

minta HKL dan Timbalan Ketua Pengarah Perubatan, Datuk Dr Asmayani Khalib untuk memberikan rawatan susulan yang diperlukan Najib.

"Jika ujian kesihatan yang dilaksanakan ke atas Najib sudah selesai, laporan itu akan diserahkannya kepada (Najib) dan juga mahkamah, jadi tiada lagi pertikaian selepas ini," katanya selepas Majlis Penerimaan Anugerah *Malaysia Book Of Record and Pelancaran Laporan Record Breaking COVID-19 Vaccination* di kementeriannya, semalam.

IJN adalah sebuah entiti swasta atau badan dikorporatkan di bawah Kementerian Kewangan. Setiap pusat perubatan termasuk IJN adalah berdaftar di bawah Akta 586.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, dua mesyuarat konsultasi turut diadakan bersama keluarga Najib yang disertai Datin Rosmah Mansor.

#### Jadi isu umum

"Saya sebenarnya tidak mahu beri maklumat lanjut, tetapi ia menjadi isu umum, jadi saya kenajawab untuk menjaga integriti KKM," katanya.

Dalam pada itu Khairy berkata, pihaknya akan memberi rawatan



Keadaan tekanan darah tinggi bekas Perdana Menteri itu dilaporkan tidak menentu dengan puncanya tidak diketahui

*Muhammad Shafee Abdullah,  
 Peguam*

dan perkhidmatan terbaik kepada semua banduan yang memerlukan rawatan dan bukan hanya kepada Najib semata-mata.

"Kami akan beri rawatan yang terbaik kepada banduan kerana ia adalah tanggungjawab dan tugas KKM," katanya.

Mengenai dakwaan pertukaran ubat yang diberikan kepada Najib, Khairy berkata, formula ubat yang diberikan oleh HKL adalah sama cuma jenamanya berbeza.

"Ubatnya sama (cuma) dulu ia

dibeli di hospital swasta, bila (menerima rawatan) di HKL, kita ada ubat-ubatan di hospital kerajaan yang turut mempunyai formula yang sama macam ubatnya sebelum ini.

"Contohnya macam paracetamol (PCM) yang fungsinya sama. Jadi tuduhan yang kata ubat ditukar itu adalah tidak tepat," katanya.

Terdahulu, Pegawai Khas Najib, Muhamad Mukhlis Maghrabi memaklumkan tekanan darah Najib

dilapor berada pada tahap tinggi dan berbahaya susulan pertukaran ubat yang diberikan untuk merawat masalah ulser perutnya.

Pagi semalam, peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah memaklumkan Najib yang dirawat di HKL sejak kelmarin berkenaan dirujuk ke IJN, justeru prosiding di Mahkamah Tinggi yang sepertinya mendengar perbicaraan penyelewengan dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ditangguhkan.

Shafee memberitahu Mahkamah Tinggi, keadaan tekanan darah tinggi bekas Perdana Menteri itu dilaporkan tidak menentu dengan puncanya tidak diketahui.

Beliau bagaimanapun tidak boleh mendapat arahan lanjut daripada Ahli Parlimen Pekan itu kerana peguam tidak dibenarkan melawat beliau di wad HKL.

Perkara itu tidak mendapat bantahan daripada pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Mustafa P Kunyalam.

Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah kemudian menangguhkan prosiding kepada petang ini untuk mendapatkan perkembangan lanjut mengenai keadaan Najib.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 25**  
**RUANGAN : AGAMA**

# Kekang tabiat merokok amalan cegah kemungkaran

Oleh Dr Zuraimy Ali  
 bhagama@bh.com.my



Pensyarah Kanan  
 Akademi Pengajian  
 Islam Kontemporari,  
 Universiti Teknologi  
 MARA (UiTM) Perlis

wajib bagi membanteras habis-habisan tabiat kaki perokok supaya generasi yang akan datang bebas rokok.

Antara usaha penting tentunya daripada kerajaan yang berkuasa mengetatkan undang-undang untuk mengekang tabiat merokok dalam kalangan rakyat.

Ini bertepatan dengan hadis diriwayatkan Abu Said Al-Khudri RA: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiaj melihat kemungkaran, maka ubahlah dengan tangannya; jika tidak mampu, maka ubahlah dengan lisannya; jika tidak mampu maka


(tolaklah) dengan hatinya dan hal itu adalah selemah-lemah iman. (Hadis riwayat Muslim).

Oleh itu, umat Islam yang memegang amanah kuasa berkewajipan mengetatkan undang-undang dengan mengambil tindakan sewajarnya.

## Laksana pencegahan awal

Pencegahan awal perlu dilakukan dengan bijak dan sesuai oleh pihak berkuasa kerana ia akan memberikan kesan baik terhadap generasi akan datang.

Kemudaratan terhadap diri dan masyarakat sekelling akibat tabiat merokok akan meningkatkan kes kesihatan awam dan menambahkan kos rawatan



serta ubatan kepada kerajaan.

Justeru, Islam sangat mengambil berat konsep mencegah lebih baik daripada mengubati. Ini bertepatan saranan Nabi SAW: "Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara; masa mudamu sebelum datang masa tuamu, kesihatannya sebelum sakitmu, waktumu sebelum waktu sibukmu, masa kayamu sebelum masa kefakiranmu dan masa hidupmu sebelum kematiammu." (HR Hakim)

Begitu juga hadis Nabi SAW menegaskan: "Dua kenikmatan sering dilupakan kebanyakkan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang." (HR Bukhari)

Kesihatan diri menjadi keutamaan dalam kehidupan seseorang. Jika sengaja mencari penyakit kerana ingin merasai nikmat merokok, ingatlah tabiat itu hanya mendatangkan banyak masalah terhadap diri dan keluarga bahkan menambahkan bebanan kewangan.

Tabiat merokok jelas mendatangkan pembaziran wang dan tenaga. Ketahui lah amalan membazir ini dibenci Tuhan seperti firman-Nya: "Sesungguhnya orang membazir itu adalah saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk sangat kufur kepada Tuhan." (Al-Isra': 27)

Letakkan kepentingan awam melebihi kepentingan diri demi kemaslahatan bersama. Siapa lagi akan memikul tanggungjawab melahirkan generasi bebas rokok melainkan kita.

**AKHBAR : HARIAN METRO**  
**MUKA SURAT : 2**  
**RUANGAN : LOKAL**

## Tiada saman jika tak berpelitup muka

**Bagan Serai:** Tiada lagi saman akan dikeluarkan kerajaan terhadap mana-mana individu yang tidak mengenakan pelitup muka di tempat awam, kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata, pemakaian pelitup muka di dalam bangunan kini adalah atas pilihan individu dan ia berkuat kuasa minggu lalu.

"Kerajaan tidak lagi akan keluarkan lagi saman di bawah Akta 342 iaitu Akta Penegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

"Jadi kita perlu menjaga diri sendiri dan mengamalkan norma baharu termasuk memakai pelitup muka sekiranya mempunyai simptom Covid-19 selain mengasingkan diri juga melaporinya di aplik-

kasi MySejahtera," katanya pada sidang media sempena Perbincangan Meja Bulat Yayasan Pelau Orang Utan Bukit Merah (YPOUBM) di sini, semalam.

Hadir sama Ahli Pemegang Amanah yayasan itu Prof Emeritus Datuk Dr Ab-

dul Latif Mohamad.

Dr Noor Azmi berkata, orang ramai bagaimanapun digalakkan memakai pelitup muka di tempat sesak dan pemakaian diwajibkan ketika menaiki pengangkutan awam atau berada di fasiliti kesihatan.

Terdahulu, media melaporkan, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan, Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) menetapkan pemakaian pelitup muka di dalam bangunan kini adalah atas pilihan individu namun pemilik premis boleh menentukan sama ada pengunjung wajib memakai pelitup muka atau sebaliknya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Malaysia sedang menunggu pengisyiharan untuk negara ini masuki fasa endemik Covid-19 kerana sudah merekodkan jumlah jangkitan kes yang rendah dalam kalan-

gan komuniti.

Menurutnya, pengisyiharan itu bergantung kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menentukan status fasa endemik sebuah negara.

**“  
Kita perlu menjaga  
diri sendiri dan  
mengamalkan  
norma baharu  
Dr Noor Azmi”**



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 13**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Setiap banduan dirujuk ke hospital kerajaan

Khairi jelaskan laporan Najib akan dirujuk ke IJN

Oleh TUAN BUQHAIRAH  
TUAN MUHAMAD ADNAN  
PUTRAJAYA

**S**etiap banduan haruslah menerima rawatan di hospital kerajaan berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata demikian mengulas laporan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan dirujuk ke Institut Jantung Negara (IJN) pada Selasa.

"Prosedur banduan adalah dirujuk ke hospital kerajaan. Bagi kes Najib, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memutuskan bellau diantar ke Hospital Kuala Lumpur (HKL)," katanya.

Khairy bagaimanapun memberi jaminan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi rawatan dan perkhidmatan terbaik kepada semua pihak termasuk banduan.

IJN merupakan sebuah entiti swasta atau badan di-



Khairy (kiri) bercakap kepada pemberita selepas majlis pelancaran Laporan Record Breaking Covid-19 Vaccination di Kementerian Kesihatan, Putrajaya pada Selasa.

korporatkan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

Setiap pusat perubatan termasuk IJN adalah berdaftar di bawah Akta 586.

Sementara itu, Khairy menjelaskan, keadaan kesihatan Ahli Parlimen Pekan yang sedang menjalani hukuman penjara selama 12 tahun itu adalah memuaskan.

"Pandangan profesional dan pakar yang memberi rawatan pada Jumaat memaklumkan bahawa kesihatan Najib adalah memuaskan," katanya selepas Majlis Penerimaan Anugerah Malaysia Book Of Record dan Pelancaran Laporan Record Breaking Covid-19 Vaccination di Kementerian Kesihatan di sini pada

Selasa.

Khairy bagaimanapun berkata, bagi mengelakkan sebarang pertikaian pada masa hadapan, Najib dimasukkan ke HKL pada Isnin untuk menjalani pemeriksaan lanjut.

"Saya maklumkan kepada Timbalan Ketua Pengarah (Perubatan), Datuk Dr Asmayani Khalib, buatlah segala pemeriksaan dan sairringan agar tiada lagi pertikaian."

"Jika sudah lengkap, laporan akan diserahkan kepada Najib dan mahkamah sekiranya perlu," ujarnya.

Khairy juga berkata, dua mesyuarat konsultasi telah diadakan bersama keluarga Najib yang turut disertai Datin Seri Rosmah Mansor.

"Saya sebenarnya tidak mahu memberi maklumat lanjut tetapi ia telah menjadi isu umum. Jadi saya kena jawab untuk menjaga integriti KKM," katanya sebagai mengulas laporan ahli keluarga yang mempersoalkan Najib tidak dimasukkan ke HKL dan dibenarkan pulang selepas menerima rawatan.

Dalam pada itu, Khairy turut menolak dakwaan bahawa ubat tekanan darah tinggi Najib ditukar.

"Dahulu beliau mengambil ubat yang dibeli daripada hospital swasta, namun apabila dirujuk ke HKL, ubat generik diberikan. Ubat-ubatan itu adalah sama, formula sama tetapi generik," jelas beliau.

Tambahnya, tuduhan mengatakan ia ditukar seolah-olah memberi gambaran bahawa ubat berbezaya adalah tidak benar.

"Ubat generik ini kandungan sama. Penjelasan ini penting kerana terdapat tuduhan daripada pegawai dan ahli keluarga Najib," ujar Khairy.

Sebelum ini, Pegawai Khas Najib, Muhammad Mukhlis Maghrabi memaklumkan, tekanan darah Najib dilapor berada pada tahap tinggi dan berbahaya susulan pertukaran ubat yang diberikan untuk merawat masalah ulser di dalam perutnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Najib terima rawatan seperti banduan lain

**PUTRAJAYA:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hanya menerima rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) seperti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan untuk banduan.

Menyatakan kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya tidak menafikan rawatan perubatan kepada semua banduan termasuk Najib.

Malah, katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob menggariskan rawatan terbaik kepada semua banduan dan bukan sahaja Najib kerana ia merangkumi semua banduan.

"Tuduhan mengatakan ubat tekanan darah untuk Najib

ditukar adalah isu yang tidak menggambarkan perkara sebenar kerana ia adalah ubat generik iaitu ubat yang sama cuma jenama berbeza," katanya dalam sidang akhir selepas Majlis Penerimaan Anugerah Malaysia Book of Record dan Pelancaran Laporan Record Breaking Covid-19 Vaccination: Public-Private Partnership di pejabatnya di sini semalam.

Dalam pada itu, Khairy berkata, Najib dihantar semula ke Perjaya Kajang Sabtu lalu, selepas semua pakar di HKL mendapat keadaan bekas Perdana Menteri itu dalam keadaan memuaskan.

"Hari ini, Najib dihantar

semula ke HKL bagi menjalani pemeriksaan untuk melengkapkan laporan kesihatannya dan dirawat oleh Ketua Perkhidmatan Gastroenterology Kementerian Kesihatan, Dr Rosaida Md. Said.

"Saya juga sudah maklumkan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Asmayani Khalib melakukan pemeriksaan ke atas Najib supaya tiada lagi pertikaian," katanya.

Beliau berkata, sebanyak dua kali pertemuan bersama keluarga Najib sudah dilakukan pagi menjelaskan perkara itu. "Apabila isu ini timbul, saya sendiri menghubungi Pengarah

HKL, Datin Paduka Dr. Rohana Johan dan beliau memaklumkan keadaan Najib stabil," katanya.

Sementara itu, veteran DAP, Lim Kit Siang menggesa kerajaan memberikan rawatan terbaik kepada Najib sepanjang beliau menjalani hukuman penjara.

"Saya setuju sepenuhnya dengan anak Najib, Nooryana Najwa. Saya menyeru kerajaan memberikan rawatan perubatan yang terbaik kepada Najib semasa dia berada dalam penjara, satu hak yang juga patut diberikan kepada semua banduan di Malaysia," katanya dalam kenyataan.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA****MUKA SURAT : 30****RUANGAN : DALAM NEGERI**

## Kemudahan kesihatan lebih baik untuk Orang Asli

**SHAH ALAM:** Masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung bakal menikmati kemudahan kesihatan lebih baik apabila kerajaan selesai merumuskan data Tinjauan Kesihatan Orang Asli (OAKS) sebelum menentukan tindakan yang perlu diam-bil.

Tinjauan yang dilaksana-kan Kementerian Kesihatan serta Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakaoa) itu melibatkan 71 perkampungan Orang Asli dan 4,700 buah rumah di Semenanjung yang turut memurnukkan kepada isu-isu sosial, penyakit mental dan akses atau kemuda-

han pusat kesihatan.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, data itu penting bagi mengenal pasti pelbagai aspek kesihatan masyarakat Orang Asli secara holistik.

“Kajian yang tidak hanya memfokuskan kesihatan Orang Asli itu perlu bagi mencari langkah penambahbaikan boleh dilakukan kerajaan. Kita akan membuat rumusan data itu bulan ini dan akan menguar-uarkan kepada umum kelak,” katanya ditemui *Utusan Malaysia*

di sini semalam.

Pada Julai lalu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memaklumkan kementerian akan menggunakan hasil OAKS bagi menyediakan lebih banyak pro-gram kesihatan, perubatan, ke-mudahan dan sumber kepada masyarakat Orang Asli.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : |

RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY

PIC BY MOHD FAIDL HAMZAH

# 'PRISONERS NOT DENIED RIGHTS'

THE 1MDB trial is adjourned as Datuk Seri Najib Razak has been sent back to Hospital Kuala Lumpur yesterday for another battery of tests. Health Minister Khairy Jamaluddin said this was to assuage his family members and ensure there is no dispute over the standard of care and treatment accorded to the former prime minister.

» REPORTS BY RAHMAT KHAIRULRIJAL, VEENA BABULAL AND YASMIN ONN ON PAGE 2

AKHBAR : NEW STARITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NEWS/NATION

## 'No dispute in standard of care for Najib'

**PUTRAJAYA:** There is no dispute in the standard of care and treatment for prisoners, including for Datuk Seri Najib Razak, when he was taken back to Kuala Lumpur Hospital yesterday for another round of tests for stomach ulcers and high blood pressure.

Health Minister Khairy Jamaluddin said providing the former prime minister access to medical treatment should also assuage his family members.

On claims by Najib's daughter, Nooryana Najwa, that a change in medication was to blame for his high blood pressure, Khairy said it did not "represent the real situation".

Najib, he said, was merely given the generic version of the patented drug he originally took.

Khairy, however, expressed full confidence in the team of doctors that treated and attended to the former Umno president over the weekend.



Health Minister Khairy Jamaluddin at a press conference in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

This included senior consultant physician and gastroenterologist Dr Rosalda Md Said.

On Najib's appeal for hospital observation, he said he could not divulge more information because it involved the latter's personal medical history.

Khairy also denied claims that Najib would be transferred to the National Heart Institute.

He said when Najib was warded on Friday, doctors had thoroughly checked and conducted several tests on him.

Khairy said they also held con-

ferences with the family, including Najib's wife, Datin Seri Rosmah Mansor, twice.

"No inmate will be denied their fundamental right in terms of access to healthcare and this includes Najib."

He said this after launching "Malaysia's Covid-19 Vaccination Public Private Partnership Report", at the ministry's headquarters here yesterday.

Present was Health deputy director-general (Medical) Datuk Dr Asmayani Khalib. By Veena Babulat and Yasmin Onn

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 5**  
**RUANGAN : NATION**

# Updated vaccines for M'sia

**KJ: Inoculations to protect against new Covid-19 strains**

By FATIMAH ZAINAL  
 fatimah@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Despite millions of Covid-19 vaccine doses in stockpile, some of which will expire at the end of the year, Malaysia plans to purchase updated vaccines tailored against new strains as well as doses for children under the age of five.

According to Health Minister Khairy Jamaluddin, the updated vaccines, which can fight new Covid-19 strains, would be made available only to high-risk groups such as the elderly and those with serious comorbidities.

The vaccine for children under five will only be offered to immuno-compromised and chronically ill toddlers.

More information would be shared once the Health Ministry had made a decision on the procurement process, he added.

"The technical working group has decided that it will be offered to children under five who are immuno-compromised and with chronic illness," he told a press conference after the Malaysia Book of Records award ceremony and the launch of the Record Breaking Covid-19 Vaccination: Public-Private Partnership report here yesterday.

Khairy added that it would be free.

"As the numbers are likely not to be so big for children under five, we will give it through the Health



**Giving it his best shot:** Khairy (centre) launching the Record Breaking Covid-19 Vaccination: Public-Private Partnership report at the Health Ministry in Putrajaya. — Bernama

Ministry's paediatrics department and pass it to private hospitals," he said.

Khairy added that the decision to offer the vaccine to children under five with underlying health conditions was in line with information and clinical data from other countries that had implemented vaccination drives for this group.

On the current vaccine stockpile, Khairy said it was in excess of about four million doses, with some

expiring at the end of this year.

He also said his ministry was in talks with vaccine makers to check if existing orders could be changed to the updated formula.

"We have an existing order with Pfizer; we didn't use our full existing order. We also have our existing order with Covid-19 Global Vaccine Access (Covax) which we didn't use fully.

"Meaning, we bought more than we needed. We are trying to change the order from the old formula to

the new one.

"So far it looks possible, so we may not be spending much more," he added.

Khairy earlier said the new vaccines that could fight the new Covid-19 variants would not be offered to those not in the high-risk category as they might experience "vaccine fatigue".

Since the Covid-19 situation in the country is under control, he said there was no need for another large-scale vaccination drive.

AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NATION

# 'Najib getting the best care'

**Khairy:** We will not deny medical aid to anybody in prison

By FATIMAH ZAINAL  
 fatimah@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The best medical care will be given to all prisoners, including former prime minister Datuk Seri Najib Razak (pic), says Health Minister Khairy Jamaluddin.

To avoid any disputes about the standard of care and treatment being given to the Pekan MP, Najib had been sent back to Hospital Kuala Lumpur (HKL) yesterday to undergo extra checkups and tests, he said.

"As instructed by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, we will give the best standard of care and treatment to all prisoners, not just Najib. It's our duty and responsibility."

"We will not deny the best medical care for anybody in the criminal justice system, in prison or any detention centre. We will give the best."

"Of course that includes Najib," he told a press conference after the Malaysia Book of Records award ceremony and launch of the Record Breaking Covid-19 Vaccination: Public-Private Partnership report here yesterday.

Najib was first admitted to the hospital last Friday for an elective treatment and was later discharged in good health.

His family had pleaded to the



government to give Najib proper medical treatment, saying he had developed multiple stomach ulcers while his blood pressure medication had been switched to a new type.

Khairy said that following his first admission to the hospital last week, Najib was discharged after the specialists who treated him decided that he was in a satisfactory condition to be sent back to prison and that there was no reason to have kept him hospitalised.

"He was sent again to HKL and I have informed the doctor to conduct all the necessary checks and tests needed so that there are no

**"As instructed by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, we will give the best standard of care and treatment to all prisoners, not just Najib."**

Khairy Jamaluddin

longer any disputes about this.

"When this report is complete, we will give it to Najib and we can also give it to the court so that there are no disputes in terms of treatment given to him," he added.

Khairy said Najib will stay at the hospital until all the checks and tests have been done.

When asked if Najib will be okay, Khairy answered, "I'm not a doctor," but added that he had called

the hospital director Datuk Dr Rohana Johan who had said that Najib was in a stable condition.

On whether Najib will be sent to the National Heart Institute (IJN), Khairy said he will not be treated there as it was the standard procedure for prisoners to be sent to only government hospitals.

Khairy also explained that claims that Najib's blood pressure medication had been switched did not reflect the full picture.

He said that the jailed former prime minister was given a generic high blood pressure medication when he was hospitalised at HKL, but the formula was the same as the medication that Najib was previously taking.

"He used to purchase his medication from a private hospital."

"The formulation of the medicine we gave him is the same as the medicine that he used to take. We gave the same, it is just generic. Generic is just as good."

"It's important to give an explanation as there were accusations by his aide and family members that his medication was switched to a different drug," Khairy said.

Watch the video  
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)

